

# AHMAD ORABI

## [7]

Turki dan pemberontakan Orabi – utusan Turki yang pertama –  
membentuk Majlis Perwakilan Rakyat – pembukaan Majlis Perwakilan Rakyat  
(oleh Abdul Rahman al-Rāfi‘ī)

### TURKI DAN PEMBERONTAKAN ORABI

Sikap Turki terhadap Mesir dalam masa berlaku pemberontakan Orabi itu bukanlah sikap yang bersih dan ikhlas, bahkan Turki kedapatan menunggu peluang kerana hendak mengkecil-kecilkan kemerdekaan yang telah didapati oleh Mesir semenjak Muhammad ‘Ālī dahulu, dan hendak mencampuri urusan Mesir mengenai perkara-perkara dalam negeri. Meskipun Turki pada masa itu sedang lemah dan kacau bilau sehingga tidak sanggup manjadikan Mesir sebuah wilayah Uthmaniyyah, tetapi siasah Turki yang dijalankan terhadap Mesir adalah terdiri di atas fitnah dan singkat pandangannya. Turki tidak melepaskan peluang pada bila-bila masa juga bagi menyusahkan Mesir dan merosakkan kedudukannya. Perdirian Turki semenjak menyala pemberontakan Ahmad Orabi sehinggalah berlaku penjajahan Inggeris adalah perdirian yang sangat buruk dan nahas, iaitu semata-mata mengecewakan, berniat jahat dan menipu, selain daripada jahilnya dan suntuk pandangannya. Semuanya itu menjadi sebesar-besarnya pendorong yang telah menolong sehingga terjadi penjajahan Inggeris ke atas Mesir.

### UTUSAN TURKI YANG PERTAMA

Peristiwa Istana ‘Ābidīn itu telah berlaku pada 9 September 1881 dan telah selesai dengan selamat, lalu terbentuk Jemaah Menteri Sharif Pasha yang menjadi tumpuan harapan rakyat. Redalah hal ehwal di dalam negeri, dan mulailah kerajaan yang baharu itu menjalankan rancangan-rancangannya yang telah diatur dengan mendapat kepercayaan penuh. Walaupun begitu tetapi kerajaan Turki memandang bahawa kejadian itu suatu peluang bagi mencampuri urusan negeri Mesir dan mendakwa bahawa dia berhak menaunginya lalu mengirimkan suatu *lajnah* ke Mesir dengan tujuan hendak menyiasat kebangkitan-kebangkitan yang baharu berlaku itu. Utusan-utusan ini terdiri daripada orang-orang besar Sultan Abdul Hamid.

Berangkatlah rombongan utusan itu dari Istanbul dalam perjalanan ke Mesir pada 2 Oktober 1881. Terbentuk *lajnah* itu sebenarnya tidak dengan setahu kerajaan Mesir, bahkan Mesir dengan mengejut telah menerima kawat, dan berita itu telah diterima dengan kehairanan kerana hal keadaan negeri tidak sesuai dengan kedatangan rombongan utusan Turki itu, lebih-lebih lagi kedatangannya akan menambahkan kacau

bilau fikiran orang ramai dalam masa negeri Mesir berkehendakkan ketenteraman.

Tetapi yang sebenarnya kerajaan Turki sengaja hendak mengacau bilau dan mengeruhkan fikiran penduduk Mesir, barangkali dia berharap mendapat faedah daripada pemberontakan yang telah berlaku itu, atau barangkali dia tidak berpuas hati dengan terdirinya Jemaah Menteri yang bebas yang dapat mendirikan kerajaan yang berperlembagaan di Mesir, kerana peraturan yang tersebut tidak disukai oleh kerajaan Turki yang telah sebatik kepada membenci kebebasan dan perlombagaan. Bertambah pula kerana yang berkuasa ketika itu ialah Sultan Abdul Hamid yang telah memansuhkan undang-undang dasar kerajaan Turki dan merombak majlis mesyuarat serta memporak-perandakan pemimpin-pemimpin yang memperjuangkan kebebasan. Selain daripada itu Khedive Taufik tidak pula begitu digemari di Istanbul, disebabkan kecuaianya tidak berangkat ke Istanbul menyembah dan menunjukkan taat setianya kepada sultan ketika ia mula menduduki takhta kerajaan Mesir dahulu.

Benar, Khedive Taufik telah menyatakan uzurnya tidak dapat berangkat ke Istanbul disebabkan Mesir ketika itu sedang kacau bilau, tetapi uzurnya yang tersebut tidak dapat diterima oleh sultan dan orang-orang besarnya di Istanbul kerana sebagaimana yang diketahui sifat mereka yang utama sekali ialah sompong, jahat sangka dan membala dendam. Oleh itu, mereka telah mengambil tiap-tiap peluang bagi menyusahkan kedudukan Khedive Mesir dan menimbulkan kesulitan dan halangan dihadapinya. Tujuan Turki menghantarkan rombongan utusan penyiasat ke Mesir, yang sebenarnya ialah sengaja hendak merosakkan.

Utusan Turki itu telah tiba di Iskandariyah pada 6 Oktober 1881 dan tiba di Kaherah pada petang itu juga lalu ditempatkan di istana “Qasar al-Nuzhah” sebagai

*dayf* kerajaan. Pada keesokan harinya mereka telah mengadap Khedive lalu disambut dengan baiknya. Mereka telah menyampaikan salam sultan Turki dan menyampaikan bahawa baginda sangat berpuas hati tentang kemajuan negeri Mesir. Mereka diutus katanya, semata-mata kerana menyatakan kepercayaan penuh kepada Khedive dan memberi sokongan sepenuhnya. Kata-kata itu telah dibalas oleh Khedive dengan ucapan terima kasih, lalu mereka balik ke istana tempat mereka menginap, dan di sana, lawatan mereka telah dibalas oleh Khedive.

Kedatangan utusan Turki itu ke Mesir rupanya menjadikan kerajaan Perancis dan Inggeris marah, kerana kedatangannya tidak dirundingkan lebih dahulu dengan mereka. Mereka mensifatkannya campur tangan dari pihak Turki dalam urusan dalam negeri Mesir. Mereka telah meminta kepada Turki supaya memendekkan masa lawatan utusan itu. Peluang ini telah direbut oleh Inggeris kerana hendak menunjukkan pengaruh dan kekuasaannya di Mesir. Sir Edward Malet pun meminta kerajaannya menghantarkan sebuah kapal perang ke pelabuhan Iskandariyah, permintaannya itu telah dipenuhi. Dalam pada itu Inggeris telah bermuafakat dengan Perancis supaya kerajaan Perancis juga menghantar sebuah kapal perangnya ke Iskandariyah dan akan meninggalkan pelabuhan itu sebaik-baik sahaja rombongan utusan Turki meninggalkan Mesir. Kedua-dua buah kapal itu telah tiba di Iskandariyah dan telah meninggalkan pelabuhan itu pada 20 Oktober sebaik-baik sahaja rombongan utusan Turki belayar balik ke Istanbul. Tunjuk perasaan di laut seperti yang telah berlaku dalam masa pemberontakan Orabi. Elok juga disebut bahawa kapal perang Inggeris yang tersebut setahun kemudian (11 Julai 1882) telah mengambil bahagian bersama-sama dengan angkatan laut Inggeris menghentam pelabuhan Iskandariyah dan menjajahnya. Dengan ini

nyatalah bahawa kedatangan rombongan utusan Turki ke Mesir adalah menjadi pendorong kepada kedatangan rombongan kapal perang kuasa-kuasa penjajah, dan tepatlah jika disebut bahawa kedatangan utusan Turki telah membahayakan Mesir dari segala segi.

#### MEMBENTUK MAJLIS PERWAKILAN RAKYAT

Pada 4 Oktober 1881, Perdana Menteri Syarif Pasha telah merafakkan kepada Khedive supaya baginda menunaikankehendak rakyat yang menghendaki terbentuknya Majlis Perwakilan Rakyat. Pada hari itu Khudaiwi pun mengeluarkan perintah supaya diadakan pilihan raya dan harinya telah ditetapkan pada 23 Disember.

Sebenarnya kerajaan tidak campur tangan dalam pilihan raya dan tidak menganggu orang ramai memilih wakil-wakil dalam yang disukai. Pilihan raya itu sungguhnya telah dijalankan dengan bebasnya. Bahkan juga bebas dari pengaruh Ahmad Orabi dan rakan-rakannya. Kerana parti mereka ketika itu dengan sifatnya parti yang berjasa dalam pembentukan majlis mesyuarat sanggup mempengaruhi pilihan raya dan menjalankan kehendaknya kepada pemilih-pemilih, supaya terjamin baginya pemilihan yang terbanyak dari pengikut-pengikutnya. Kalau parti itu melakukan yang demikian nescaya dia akan dapat menindas kebebasan pemilih-pemilih dengan sepenuhnya, tetapi apa yang telah dilakukan itu sangatlah elok. Ia telah membiarkan rakyat bebas memilih akan orang-orang yang dipercayai, ikhlas dan berkelayakan. Ia tidak merampas kebebasan rakyat bagi memilih wakil-wakilnya, iaitu kebebasan yang menjadi sendi hidup berperlembagaan yang sebenar-benarnya.

Pendeknya pilihan raya yang telah dijalankan itu bersesuaian yang kehendak rakyat, dan dengan itu Ahmad Orabi dan rakan-rakannya telah memberikan contoh yang cemerlang dalam menghormati kebebasan memilih.

#### PEMBUKAAN MAJLIS PERWAKILAN RAKYAT

Hari pembukaan Majlis Perwakilan Rakyat, sebenarnya suatu peristiwa yang bersejarah. Hari itu telah disambut dan dirayakan oleh rakyat Mesir dengan sebesar-besarnya. Dirayakan kerana tercapainya kebebasan rakyat dalam lapangan siasah dan terdiri sebuah majlis mesyuarat rakyat yang mewakilinya dan mengawal muslihatnya. Sebenarnya majlis ini menjadi simbol kebebasan yang tersebut, dan jika tidaklah kerana hasutan Inggeris nescaya kejadian itu akan menjadi suatu permulaan zaman baharu bagi kebangkitan Mesir dan kemajuannya.

Majlis mesyuarat itu telah dibuka pada 26 Disember 1881 dengan suatu istiadat yang cemerlang, dihadiri oleh Khedive dan orang-orang besar serta wakil-wakil rakyat, iaitu dibuka dengan ucapan Khedive yang diucapkannya sendiri.

Ucapan Khedive Taufik pada hari itu adalah terhitung daripada bahan-bahan yang berharga dalam sejarah Mesir dan kemajuannya, kerana ucapan itu ialah ucapan yang pertama bagi Raja Mesir yang berkuasa pada hari pembukaan majlis mesyuarat yang pertama dan berkuasa penuh dalam Mesir baharu. Pada amnya ucapan diraja itu bermutu dan tegas, menjelaskan bahawa Khedive sedia berpihak kepada rakyat iaitu mengakui dan menetapkan supaya berjalannya pemerintahan yang berperlembagaan.

#### MENGGUBAL UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN

Setelah itu mulailah Jemaah menteri Syarif Pasha membentuk “Undang-Undang Perlembagaan”. Iaitu dibentuk menurut bentuk perlembagaan moden, mengandungi garis-garis besar bagi peraturan berparlimen, seperti menentukan dasar tanggungjawab jemaah menteri kepada majlis perwakilan

rakyat: memberikan hak kepada majlis itu membuat undang-undang tidak dikeluarkan melainkan setelah disetujuinya; menentukan kira-kira belanjawan negeri, mengawas kerja-kerja yang dilakukan oleh kerajaan dan pegawai-pegawaiannya serta mengikat kerajaan supaya jangan melancarkan sebarang cukai atau mengeluarkan sebarang undang-undang melainkan setelah disetujui oleh Majlis Perwakilan Rakyat.

Selesainya “Undang-Undang Perlembagaan” itu dibentuk, Syarif Pasha pun membentangkan dalam majlis mesyuarat yang besidang pada 2 Oktober 1882 supaya dibahas dan dipersetujui. Majlis bersetuju supaya undang-undang perlembagaan itu dibawa kepada satu *lajnah* khas yang akan menghalusinya. Usaha itu hampir-hampir berjaya, dan hampir-hampir tercapai persetujuan di antara kerajaan dengan Majlis Perwakilan Rakyat atas nas-nas yang terkandung di dalamnya jika tidaklah berlaku kegentingan siyasah yang berakhir telah mendorong Perancis dan Inggeris campur tangan dalam pembentukan undang-undang perlembagaan yang tersebut dan akibatnya Jemaah Menteri Syarif Pasha meletak jawatan.

#### KEGENTINGAN BULAN JANUARI 1882

Pembentukan “Undang-Undang Perlembagaan” telah dirintangi kekacauan siyasah yang besar, yang kita namai kegentingan Januari 1882 yang berpunca dari niat jahat Inggeris dan Perancis terhadap Mesir dan pakatan sulit keduanya terhadap pemerintahan berperlembagaan yang hendak dijalankan itu, yang hanya dikehendaki sedikit pindaan kemudian akan diisyiharkan dengan rasmi.

Tetapi Inggeris dan Perancis bertujuan menimbulkan kekacauan di Mesir, yang akan membawa kepada kegagalan undang-undang perlembagaan yang baharu terbentuk. Langkah jahat itu berlaku dengan perbuatan campur tangan keduanya mengenai urusan dalam negeri, dan memecahbelahkan perpaduan

di antara Khedive dan rakyat, supaya dengan perpecahan itu menjadikan keduanya (Inggeris dan Perancis) mendapat celah masuk campur dengan tekanan senjata.

Pada 8 Januari 1882, Sir Edward Malet Konsel Inggeris di Mesir bersama-sama dengan Mesio Snuckfiks Konsel Perancis telah pergi ke Istana ‘Ābidīn, lalu menyampaikan sebuah memorandum kepada Khedive atas nama kedua-dua buah kerajaan bertarikh 7 Januari 1882, *mađmūnnya* bahawa kedua mengenai kejadian-kejadian dalam negeri yang baru berlaku itu adalah sekata menyokong kuatkuasa dan kedaulatan Khedive.

Memorandum itu membayangkan bahawa kedua-dua kerajaan itu mengambil kesempatan mencampuri soal dalam negeri Mesir sendiri dan melantik diri menjadi pengawal keamanan di dalamnya. Daripada kandungan memorandum itu dapat difaham bahawa keduanya tidak berpuas hati dengan wujudnya majlis mesyuarat orang ramai dan berjalannya peraturan berparlimen di Mesir.

Memorandum ini telah menyebabkan orang ramai marah dan mencelanya. Syarif Pasha pun pergi berjumpa dengan Konsel Perancis dan Inggeris dan menyatakan kepada mereka akan bangkangannya.

Perkara campur tangan ini telah ditunda oleh suatu perkara yang lain pula. Kedua-dua konsel telah menuntut daripada Perdana Menteri Syarif Pasha supaya jangan membenarkan majlis mesyuarat orang ramai mendapat hak menetapkan kira-kira belanjawan negeri.

Perbuatan campur tangan yang demikian, sebenarnya suatu cabaran yang menyinggung kehormatan negara dan hak-haknya dan suatu pakatan yang telah diatur menggunakan kerajaan itu untuk campur tangan dengan membolehkan senjata dan sengaja mencari-cari sebab yang kena mengena mereka menjajah Mesir. Jika tidak, apa ada majlis Inggeris dan Perancis dengan peraturan

mesyuarat orang ramai Mesir? Undang-undang mana yang membolehkan keduanya mendapat hak campur tangan dalam membuat perlombagaan negeri, dan menuntut supaya majlis mesyuarat orang ramai diharamkan daripada mendapat hak menetapkan kira-kira belanjawan negeri?

Tidak syak lagi perbuatan yang demikian ialah suatu kecerobohan yang terkeji yang tidak berdasarkan hak kebenaran atau perjanjian-perjanjian yang telah diikat diantara Mesir dengan kedua-dua buah kerajaan itu, terutama perlombagaan negeri yang baharu digubal itu mengandungi nas yang tegas tidak samar-samar lagi tentang menghormati perjanjian-perjanjian Mesir yang khas dengan soal menjelaskan hutangnya. Apa yang terkandung dalam nas yang tersebut memang sudah cukup bagi menjadikan kerajaan-kerajaan asing dan rakyat-rakyat mereka bersedap hati tentang terjaminnya segala hak-hak mereka. Adapun perbuatan menjadikan hutang-hutang Mesir sebagai alasan bagi menyekat majlis perwakilan rakyat daripada mendapat hak menentukan kira-kira belanjawan negeri iaitu perkara yang terpenting sekali dalam urusan majlis mesyuarat itu, maka langkah yang demikian terlalulah zalimnya dan menggunakan kuasa dengan tidak bersebab. Inilah dia perasaan tamak penjajahan yang tidak menghormati hak kepunyaannya orang dan tidak menghormati perjanjian.

Mesir ketika itu telah terletak dalam keadaan yang sangat berbahaya. Perkara yang pertama ialah soal hak rakyat dan kehormatannya. Sesuatu bangsa yang berkehormatan tidak akan beralih membiarkan dua buah kerajaan penceroboh menekan dan menyekat Majlis Perwakilan Rakyat daripada menjalankan suatu perkara yang menjadi haknya yang sesuci-sucinya iaitulah hak menentukan kira-kira belanjawan negeri.

Perkara yang kedua pula ialah bahaya yang sedang menunjukkan taringnya kepada ketua pemerintahan, ketika dia melihat negerinya menjadi matlamat campur tangan dari dua buah kerajaan asing yang menggunakan tekanan senjata dan

bertujuan hendak menjajahnya.

Melihat kesulitan yang sedang dihadapinya itu, Syarif Pasha, Perdana Menteri Mesir pun mengambil keputusan menangguhan soal itu sehingga kepada suatu masa yang lebih aman dan dengan itu dapatlah ia menyelamatkan negeri dari ancaman penjajah yang hendak menelannya.

Mr. Blunt pula telah memberi nasihat kepada Orabi dan rakan-rakannya supaya mereka bersikap sederhana menghadapi soal itu dan janganlah mereka memutuskan sesuatu keputusan mengenai undang-undang perlombagaan yang berhubung dengan soal belanjawan negeri sebelum kerajaan Mesir berunding dengan kerajaan-kerajaan Perancis dan Inggeris. Demikian juga nasihat Syeikh Muhammad Abduh, bahkan ada dikatakan orang bahawa Syeikh Muhammad Abduh ulama Mesir yang terkenal itu berkata tentang perkara ini:

“Kita telah tinggal menunggu kemerdekaan kita sepanjang masa beberapa kurun, maka janganlah pula kita merasa berat tinggal menunggu sekarang beberapa bulan.”

Tetapi nasihat keduanya tidak diendahkan oleh Orabi.

Syarif Pasha pun mencadangkan kepada Majlis Perwakilan Rakyat supaya perkara itu ditangguhan bagi sementara tetapi Ahmad Orabi demikian juga pegawai-pegawai tentera dan anggota-anggota mesyuarat yang terkemuka telah menolak bahkan mereka mendesak supaya soal itu dibincangkan serta merta.

Kejadian ini menyebabkan Perdana Menteri Syarif Pasha meletak jawatan lalu digantikan oleh Mahmud Sami al-Bārūdī yang sememangnya telah dirancang oleh Orabi dan rakan-rakannya lalu dia bersegera membentuk jemaah menterinya dan Ahmad Orabi telah dipilih menjadi menteri perang.

Demikianlah perbuatan merebut kuasa telah berjalan terus menerus di Mesir dan penyakit itu telah menimpakan berbagai-bagai bencana ke atas Mesir sehingga terguling menjadi mangsa penjajah.

- bersambung.